



8 April 2014
8 April 2014
P.U. (A) 96

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KILANG DAN JENTERA (SKIM PEMERIKSAAN KHAS) (PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO) 2014

FACTORIES AND MACHINERY (SPECIAL SCHEME OF INSPECTION) (RISK-BASED INSPECTION) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERATURAN-PERATURAN KILANG DAN JENTERA (SKIM PEMERIKSAAN KHAS)
(PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO) 2014

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Ketidapkakaian Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERMOHONAN BAGI SKIM PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO

4. Permohonan bagi skim pemeriksaan berasaskan risiko
5. Maklumat atau dokumen tambahan
6. Audit berasaskan risiko
7. Pemeriksaan bagi kelulusan
8. Pemberian kelulusan
9. Tempoh skim pemeriksaan berasaskan risiko
10. Tempoh sah perakuan kelayakan berasaskan risiko

BAHAGIAN III
KEHENDAK PERMOHONAN BAGI KELULUSAN SKIM PEMERIKSAAN BERASASKAN
RISIKO

Peraturan

11. Pemakaian Bahagian III
12. Penubuhan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan
13. Jentera bertekanan dalam keadaan kerja yang memuaskan, dsb.
14. Data berasaskan risiko
15. Pengiraan dan penilaian data berasaskan risiko
16. Metodologi bagi pengiraan dan penilaian data berasaskan risiko
17. Pasukan pemeriksaan berasaskan risiko

BAHAGIAN IV
PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO

18. Tarikh pemeriksaan berasaskan risiko
19. Pematuhan undang-undang
20. Persediaan bagi pemeriksaan berasaskan risiko
21. Jentera bertekanan yang tidak disediakan bagi pemeriksaan

BAHAGIAN V
KEHENDAK BAGI PENGGUNA SKIM

22. Kehendak bagi pengguna skim

BAHAGIAN VI
PEMBAHARUAN PERAKUAN KELAYAKAN BERASASKAN RISIKO

23. Permohonan bagi pembaharuan perakuan kelayakan berasaskan risiko
24. Maklumat atau dokumen tambahan

Peraturan

25. Audit berasaskan risiko bagi pembaharuan perakuan kelayakan berasaskan risiko
26. Pemeriksaan bagi pembaharuan perakuan kelayakan berasaskan risiko
27. Pembaharuan perakuan kelayakan berasaskan risiko
28. Tempoh sah perakuan kelayakan berasaskan risiko apabila diperbaharui

BAHAGIAN VII

PEMBATALAN, PENARIKAN BALIK DAN PENAMATAN

29. Pembatalan skim pemeriksaan berasaskan risiko
30. Penarikan balik jentera bertekanan berasaskan risiko
31. Pembatalan perakuan kelayakan berasaskan risiko
32. Kesan pembatalan dan penarikan balik
33. Penamatan apabila jentera bertekanan berasaskan risiko dijual, disewakan atau dipindahkan hakmilik
34. Penyerahan balik kelulusan dan perakuan kelayakan

BAHAGIAN VIII

PERMOHONAN BAGI TEMPOH BAHARU SKIM PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO

35. Permohonan bagi tempoh baharu
36. Maklumat atau dokumen tambahan
37. Audit berasaskan risiko bagi tempoh baharu
38. Pemeriksaan bagi tempoh baharu
39. Pemberian kelulusan tempoh baharu
40. Tempoh baharu skim pemeriksaan berasaskan risiko
41. Tempoh sah perakuan kelayakan berasaskan risiko
42. Pematuhan Bahagian V

BAHAGIAN IX

AM

43. Audit berasaskan risiko semasa skim pemeriksaan berasaskan risiko
44. Pemeriksaan berasaskan risiko semasa skim pemeriksaan berasaskan risiko
45. Pembayaran fi

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERATURAN-PERATURAN KILANG DAN JENTERA (SKIM PEMERIKSAAN KHAS)
(PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 56(1) Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Skim Pemeriksaan Khas) (Pemeriksaan Berasaskan Risiko) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2014.

Ketidapkakaian Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970

2. Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970 [*P.U. (A) 43/1970*] tidak terpakai bagi jentera bertekanan berasaskan risiko kecuali subperaturan 3(3) dan 6(1), dan peraturan 5, 8 dan 9.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“audit berasaskan risiko” termasuklah pemeriksaan luaran dan pengesahan data berasaskan risiko;

“baki hayat” ertinya baki usia bagi jangka hayat sesuatu jentera bertekanan;

“data berasaskan risiko” ertinya suatu rekod yang mengandungi data tentang perincian reka bentuk dan pengendalian sesuatu jentera bertekanan yang termasuklah keadaan pengendalian, komposisi bendalir proses, sifat bendalir proses, bahan binaan, spesifikasi reka bentuk dan sejarah jentera bertekanan itu;

“jentera bertekanan” ertinya suatu dandang stim dan bejana tekanan tidak berapi yang digunakan bagi maksud pemprosesan atau penyimpanan;

“jentera bertekanan berasaskan masa” ertinya suatu jentera bertekanan yang memegang perakuan kelayakan berasaskan masa;

“jentera bertekanan berasaskan masa yang baru dipasang” ertinya suatu jentera bertekanan berasaskan masa yang telah menjalani suatu pemeriksaan permulaan dan dua pemeriksaan ulangan;

“jentera bertekanan berasaskan masa yang sedia ada” ertinya suatu jentera bertekanan berasaskan masa yang telah menjalani suatu pemeriksaan permulaan dan sekurang-kurangnya tiga pemeriksaan ulangan;

“jentera bertekanan berasaskan risiko” ertinya suatu jentera bertekanan yang memegang perakuan kelayakan berasaskan risiko;

“pemeriksaan berasaskan risiko” ertinya suatu pemeriksaan pada bahagian dalam dan luar sesuatu jentera bertekanan yang selang pemeriksaannya ditentukan berdasarkan kategori risiko yang berkaitan dengan jentera bertekanan itu;

“pemeriksaan luaran” ertinya suatu pemeriksaan pada bahagian luar sesuatu jentera bertekanan yang termasuklah pengujian kelengkapan keselamatan yang dipasang pada jentera bertekanan itu;

“pemeriksaan permulaan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970;

“pemeriksaan ulangan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970;

“pemohon” ertinya seseorang pemunya atau penghuni yang membuat permohonan bagi kelulusan skim pemeriksaan berasaskan risiko di bawah peraturan 4;

“pengguna skim” ertinya seseorang pemohon yang telah diberikan kelulusan skim pemeriksaan berasaskan risiko di bawah perenggan 8(1)(a) atau 39(1)(a);

“perakuan kelayakan berasaskan masa” ertinya suatu perakuan kelayakan yang dikeluarkan di bawah peraturan 25 Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970;

“perakuan kelayakan berasaskan risiko” ertinya suatu perakuan kelayakan yang dikeluarkan di bawah perenggan 8(1)(b) atau 39(1)(b) atau yang diperbaharui di bawah subperaturan 27(1);

“skim pemeriksaan berasaskan risiko” ertinya suatu skim pemeriksaan khas yang berdasarkan pemeriksaan berasaskan risiko.

BAHAGIAN II

PERMOHONAN BAGI SKIM PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO

Permohonan bagi skim pemeriksaan berasaskan risiko

4. (1) Seseorang pemohon boleh memohon kepada Ketua Pemeriksa bagi kelulusan skim pemeriksaan berasaskan risiko berkenaan dengan satu atau lebih jentera bertekanan berasaskan masa.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah—

(a) dibuat secara bertulis;

- (b) disertakan dengan fi pemprosesan sebanyak lima puluh ribu ringgit;
- (c) dilampirkan dengan dokumen yang menunjukkan bahawa kehendak yang dinyatakan dalam Bahagian III telah dipenuhi; dan
- (d) dikemukakan sekurang-kurangnya enam bulan sebelum habis tempoh perakuan kelayakan berasaskan masa.

Maklumat atau dokumen tambahan

5. (1) Ketua Pemeriksa boleh, melalui notis secara bertulis pada bila-bila masa selepas permohonan di bawah peraturan 4 diterima, menghendaki pemohon memberikan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan kepada Ketua Pemeriksa dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pemeriksa.

(2) Jika maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) tidak diberikan oleh pemohon dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pemeriksa, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak lagi diteruskan, tetapi tanpa menyentuh hak pemohon untuk membuat permohonan yang baharu.

Audit berasaskan risiko

6. (1) Apabila permohonan di bawah peraturan 4 dan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan di bawah peraturan 5 diterima, Pemeriksa hendaklah menjalankan audit berasaskan risiko untuk menentusahkan bahawa kehendak yang dinyatakan dalam Bahagian III telah dipenuhi.

(2) Bagi maksud audit berasaskan risiko, pemohon hendaklah menyediakan segala kemudahan dan maklumat kepada Pemeriksa sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki daripadanya.

Pemeriksaan bagi kelulusan

7. (1) Apabila audit berasaskan risiko di bawah peraturan 6 disiapkan dan Pemeriksa berpuas hati bahawa kehendak yang dinyatakan dalam Bahagian III telah dipenuhi, suatu pemeriksaan berasaskan risiko hendaklah dijalankan ke atas jentera bertekanan berasaskan masa mengikut Bahagian IV.

(2) Apabila pemeriksaan berasaskan risiko di bawah subperaturan (1) disiapkan, Pemeriksa hendaklah—

(a) melaporkan kepada Ketua Pemeriksa tentang dapatan pemeriksaan berasaskan risiko itu dan audit berasaskan risiko di bawah peraturan 6; dan

(b) mengeluarkan suatu pemberitahuan kepada pemohon bagi pembayaran—

(i) berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan masa yang telah menjalani pemeriksaan berasaskan risiko, fi pemeriksaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua; atau

(ii) berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan masa yang Pemeriksa telah enggan membuat atau menyiapkan pemeriksaan berasaskan risiko ke atasnya menurut peraturan 21, dua puluh lima peratus daripada fi pemeriksaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Apabila pemberitahuan di bawah perenggan (2)(b) diterima, pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemeriksaan kepada Ketua Pemeriksa dalam masa empat belas hari.

Pemberian kelulusan

8. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), Ketua Pemeriksa boleh, selepas mempertimbangkan dapatan di bawah perenggan 7(2)(a)—

- (a) memberikan kelulusan skim pemeriksaan berasaskan risiko dalam Borang A Jadual Pertama berkenaan dengan satu atau lebih jentera bertekanan berasaskan masa yang dinyatakan dalam permohonan di bawah peraturan 4; dan
- (b) mengeluarkan perakuan kelayakan berasaskan risiko dalam Borang B Jadual Pertama bagi tiap-tiap jentera bertekanan berasaskan masa yang berkenaan dengannya kelulusan skim pemeriksaan berasaskan risiko telah diberikan di bawah perenggan (a).

(2) Ketua Pemeriksa boleh, selepas mempertimbangkan dapatan di bawah perenggan 7(2)(a), enggan memberikan kelulusan skim pemeriksaan berasaskan risiko jika—

- (a) Ketua Pemeriksa tidak berpuas hati bahawa kehendak di bawah Peraturan-Peraturan ini atau undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan jentera bertekanan telah dipatuhi; atau
- (b) pembayaran fi pemeriksaan di bawah subperaturan 7(3) tidak dibuat.

(3) Kelulusan yang diberikan di bawah perenggan (1)(a) dan perakuan kelayakan berasaskan risiko yang dikeluarkan di bawah perenggan (1)(b) hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang sama.

(4) Ketua Pemeriksa hendaklah memberitahu secara bertulis kelulusan yang diberikan di bawah perenggan (1)(a) atau keengganan memberikan kelulusan di bawah subperaturan (2) kepada pemohon dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

Tempoh skim pemeriksaan berasaskan risiko

9. Tempoh suatu skim pemeriksaan berasaskan risiko yang diberikan di bawah perenggan 8(1)(a) hendaklah selama satu ratus lima puluh bulan melainkan jika skim pemeriksaan berasaskan risiko itu dibatalkan, disifatkan telah dibatalkan atau ditamatkan di bawah Bahagian VII.

Tempoh sah perakuan kelayakan berasaskan risiko

10. Tempoh sah suatu perakuan kelayakan berasaskan risiko yang dikeluarkan di bawah perenggan 8(1)(b)—

- (a) hendaklah ditentukan oleh Ketua Pemeriksa berdasarkan pengiraan dan penilaian data berasaskan risiko di bawah peraturan 15; dan
- (b) tidak boleh melebihi tujuh puluh lima bulan.

BAHAGIAN III

KEHENDAK PERMOHONAN BAGI KELULUSAN SKIM PEMERIKSAAN BERASASKAN
RISIKO

Pemakaian Bahagian III

11. Bahagian ini hendaklah terpakai bagi maksud suatu permohonan bagi kelulusan skim pemeriksaan berasaskan risiko di bawah peraturan 4.

Penubuhan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan

12. Seseorang pemohon hendaklah menubuhkan suatu sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang mematuhi MS 1722 *Occupational safety and health (OSH) management systems - Requirements (First revision)* sebagaimana yang diisytiharkan di bawah Perisytiharan Penentuan Standard (Penentuan yang Disemak) [P.U. (B) 411/2012] atau mana-mana sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan lain yang setara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pemeriksa.

Jentera bertekanan dalam keadaan kerja yang memuaskan, dsb.

13. Seseorang pemohon hendaklah memastikan bahawa jentera bertekanan berasaskan masa adalah dalam keadaan kerja yang memuaskan atau layak untuk digunakan.

Data berasaskan risiko

14. Seseorang pemohon hendaklah mengumpulkan—

- (a) berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan masa yang baru dipasang, data berasaskan risiko daripada pemeriksaan permulaan dan dua pemeriksaan ulangan;
- (b) berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan masa yang sedia ada, data berasaskan risiko daripada tiga pemeriksaan ulangan yang terakhir; atau
- (c) berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan masa yang baru dipasang atau jentera bertekanan berasaskan masa yang sedia ada yang data berasaskan risiko tidak boleh dikumpulkan daripada pemeriksaan permulaan atau pemeriksaan ulangan, data berasaskan risiko dalam tiap-tiap selang enam bulan bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada lapan belas bulan dengan menggunakan apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pemeriksa.

Pengiraan dan penilaian data berasaskan risiko

15. Seseorang pemohon hendaklah menentukan—

- (a) baki hayat;
- (b) kategori risiko;
- (c) selang pemeriksaan yang dicadangkan; dan
- (d) pelan pemeriksaan yang dicadangkan,

bagi jentera bertekanan berasaskan masa dengan mengira dan menilai data berasaskan risiko yang dikumpulkan di bawah peraturan 14.

Metodologi bagi pengiraan dan penilaian data berasaskan risiko

16. Bagi maksud mengira dan menilai data berasaskan risiko di bawah peraturan 15, seseorang pemohon hendaklah menggunakan suatu metodologi sebagaimana yang dipersetujui oleh Ketua Pemeriksa.

Pasukan pemeriksaan berasaskan risiko

17. (1) Seseorang pemohon hendaklah menubuhkan suatu pasukan pemeriksaan berasaskan risiko yang hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya lima orang anggota seperti yang berikut:

- (a) ketua pasukan, yang hendaklah orang yang layak;
- (b) seorang jurutera dengan pengetahuan dan kepakaran kejuruteraan kakisan;
- (c) seorang wakil daripada bahagian proses atau bahagian pengeluaran;
- (d) seorang wakil daripada bahagian pemeriksaan atau bahagian kejuruteraan; dan
- (e) seorang pegawai keselamatan dan kesihatan yang berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 [P.U. (A) 315/1997] atau jika suatu tempat kerja tidak menghendaki seorang pegawai keselamatan dan kesihatan berdaftar, seorang yang bertanggungjawab bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

(2) Dalam peraturan ini, “orang yang layak” ertinya seseorang yang mempunyai ijazah kejuruteraan dan yang, pada pendapat pemohon, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi untuk melaksanakan semua tugas yang berhubungan dengan skim pemeriksaan berasaskan risiko.

BAHAGIAN IV PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO

Tarikh pemeriksaan berasaskan risiko

18. Bagi maksud pemeriksaan berasaskan risiko, pemohon dan Pemeriksa hendaklah bersetuju dengan suatu tarikh untuk menjalankan pemeriksaan berasaskan risiko.

Pematuhan undang-undang

19. Bagi maksud pemeriksaan berasaskan risiko, pemohon hendaklah memastikan bahawa jentera bertekanan berasaskan masa mematuhi kehendak di bawah Peraturan-Peraturan ini dan undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan jentera bertekanan.

Persediaan bagi pemeriksaan berasaskan risiko

20. (1) Pada tarikh yang dipersetujui oleh pemohon dan Pemeriksa di bawah peraturan 18, pemohon hendaklah menyediakan tiap-tiap jentera bertekanan berasaskan masa bagi pemeriksaan berasaskan risiko seperti yang berikut:

- (a) jentera bertekanan berasaskan masa itu dikosongkan, disejukkan dan dikeringkan, dan dibersihkan dengan teliti di dalam dan luar;
- (b) semua pintu lurang, lubang tangan dan lubang intai dan palam pencuci ditanggalkan;
- (c) semua pili dan injap dibuka, dibersihkan dan dicanai, jika perlu;

- (d) jentera bertekanan berasaskan masa itu tidak bersambung dengan mana-mana jentera bertekanan berasaskan masa yang lain, dan punca stim atau air panas;
- (e) jentera bertekanan berasaskan masa itu bebas daripada wasap dan wap berbahaya; dan
- (f) berkenaan dengan suatu dandang stim—
 - (i) semua bar-api dan anjung api ditanggalkan;
 - (ii) semua tiub asap, bahagian luar tiub air, relau, kotak asap dan serombong luar dibersihkan dengan teliti; dan
 - (iii) semua penutup pada pengepala dan gelendong lumpur pada dandang stim tiub air ditanggalkan.

(2) Semasa pemeriksaan berasaskan risiko, Pemeriksa boleh memberikan arahan kepada pemohon untuk mengambil apa-apa tindakan lain yang perlu, termasuklah menanggalkan apa-apa bebatan, binaan bata atau kerja batu, membuat persediaan bagi menjalankan ujian hidrostatik atau ujian tanpa musnah, dan melakukan pembaikan jentera bertekanan berasaskan masa.

Jentera bertekanan yang tidak disediakan bagi pemeriksaan

21. (1) Jika jentera bertekanan berasaskan masa tidak disediakan bagi pemeriksaan berasaskan risiko sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 20, Pemeriksa boleh enggan membuat atau menyiapkan pemeriksaan berasaskan risiko itu.

(2) Jika Pemeriksa enggan membuat atau menyiapkan pemeriksaan berasaskan risiko di bawah subperaturan (1)—

- (a) Pemeriksa hendaklah memberitahu pemohon sebab bagi keenggannya itu dan Pemeriksa hendaklah menetapkan apa-apa tarikh lain bagi pemeriksaan berasaskan risiko itu; dan
- (b) pemohon hendaklah dikenakan bayaran pada kadar dua puluh lima peratus daripada fi pemeriksaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

BAHAGIAN V

KEHENDAK BAGI PENGGUNA SKIM

Kehendak bagi pengguna skim

22. Seseorang pengguna skim hendaklah, bagi apa-apa tempoh skim pemeriksaan berasaskan risiko—

- (a) menyenggarakan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang ditubuhkan di bawah peraturan 12;
- (b) memastikan bahawa jentera bertekanan berasaskan risiko adalah dalam keadaan kerja yang memuaskan atau layak untuk digunakan;
- (c) mengumpulkan data berasaskan risiko berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan risiko bagi tiap-tiap dua belas bulan;
- (d) menyenggarakan dan menggunakan metodologi bagi pengiraan dan penilaian data berasaskan risiko di bawah peraturan 16; dan

- (e) menyenggarakan pasukan pemeriksaan berasaskan risiko yang ditubuhkan di bawah peraturan 17 dan memberitahu Ketua Pemeriksa secara bertulis mengenai apa-apa perubahan kepada ketua pasukan dalam masa empat belas hari daripada perubahan itu.

BAHAGIAN VI

PEMBAHARUAN PERAKUAN KELAYAKAN BERASASKAN RISIKO

Permohonan bagi pembaharuan perakuan kelayakan berasaskan risiko

23. (1) Seseorang pengguna skim boleh memohon kepada Ketua Pemeriksa bagi pembaharuan perakuan kelayakan berasaskan risiko.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah—

(a) dibuat secara bertulis;

(b) dilampirkan dengan dokumen yang menunjukkan bahawa kehendak yang dinyatakan dalam subperaturan (3) dan Bahagian V telah dipenuhi; dan

(c) dikemukakan sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum habis tempoh perakuan kelayakan berasaskan risiko.

(3) Seseorang pengguna skim hendaklah menentukan—

(a) baki hayat;

(b) kategori risiko;

(c) selang pemeriksaan yang dicadangkan; dan

(d) pelan pemeriksaan yang dicadangkan,

bagi jentera bertekanan berasaskan risiko dengan mengira dan menilai data berasaskan risiko bagi dua belas bulan yang terakhir yang dikumpulkan di bawah perenggan 22(c).

Maklumat atau dokumen tambahan

24. (1) Ketua Pemeriksa boleh, melalui notis secara bertulis pada bila-bila masa selepas permohonan di bawah peraturan 23 diterima, menghendaki pengguna skim memberikan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan kepada Ketua Pemeriksa dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pemeriksa.

(2) Jika maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) tidak diberikan oleh pengguna skim dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pemeriksa, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak lagi diteruskan, tetapi tanpa menyentuh hak pengguna skim untuk membuat permohonan yang baharu.

Audit berasaskan risiko bagi pembaharuan perakuan kelayakan berasaskan risiko

25. (1) Apabila permohonan di bawah peraturan 23 dan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan di bawah peraturan 24 diterima, Pemeriksa hendaklah menjalankan audit berasaskan risiko untuk menentusahkan bahawa kehendak yang dinyatakan dalam subperaturan 23(3) dan Bahagian V telah dipenuhi.

(2) Bagi maksud audit berasaskan risiko, pengguna skim hendaklah menyediakan segala kemudahan dan maklumat kepada Pemeriksa sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki daripadanya.

Pemeriksaan bagi pembaharuan perakuan kelayakan berasaskan risiko

26. (1) Jika Pemeriksa berpuas hati bahawa kehendak yang dinyatakan dalam subperaturan 23(3) dan Bahagian V telah dipenuhi, suatu pemeriksaan berasaskan risiko hendaklah dijalankan ke atas jentera bertekanan berasaskan risiko mengikut Bahagian IV.

(2) Bagi maksud pembaharuan perakuan kelayakan berasaskan risiko di bawah Bahagian ini, Bahagian IV hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi pengguna skim tertakluk kepada ubah suaian yang berikut:

- (a) sebutan mengenai “jentera bertekanan berasaskan masa” hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai jentera bertekanan berasaskan risiko; dan
- (b) sebutan mengenai “pemohon” hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai pengguna skim.

(3) Apabila pemeriksaan berasaskan risiko di bawah subperaturan (1) telah disiapkan, Pemeriksa hendaklah—

- (a) melaporkan kepada Ketua Pemeriksa tentang dapatan pemeriksaan berasaskan risiko itu dan audit berasaskan risiko di bawah peraturan 25; dan
- (b) mengeluarkan suatu pemberitahuan kepada pengguna skim bagi pembayaran—
 - (i) berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan risiko yang telah menjalani pemeriksaan berasaskan risiko, fi pemeriksaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua; atau
 - (ii) berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan risiko yang Pemeriksa telah enggan membuat atau menyiapkan pemeriksaan berasaskan risiko ke atasnya menurut peraturan 21, dua puluh lima peratus daripada fi pemeriksaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(4) Apabila pemberitahuan di bawah perenggan (3)(b) diterima, pengguna skim hendaklah membuat pembayaran fi pemeriksaan kepada Ketua Pemeriksa dalam masa empat belas hari.

Pembaharuan perakuan kelayakan berasaskan risiko

27. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), Ketua Pemeriksa boleh, selepas mempertimbangkan dapatan di bawah perenggan 26(3)(a), memperbaharui perakuan kelayakan berasaskan risiko dalam Borang B Jadual Pertama.

(2) Ketua Pemeriksa boleh, selepas mempertimbangkan dapatan di bawah perenggan 26(3)(a), enggan memperbaharui perakuan kelayakan berasaskan risiko jika—

(a) Ketua Pemeriksa tidak berpuas hati bahawa kehendak di bawah Peraturan-Peraturan ini atau undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan jentera bertekanan telah dipatuhi; atau

(b) pembayaran fi pemeriksaan di bawah subperaturan 26(4) tidak dibuat.

(3) Ketua Pemeriksa hendaklah memberitahu secara bertulis pembaharuan perakuan kelayakan berasaskan risiko di bawah subperaturan (1) atau keengganan memperbaharui perakuan kelayakan berasaskan risiko di bawah subperaturan (2) kepada pengguna skim dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

Tempoh sah perakuan kelayakan berasaskan risiko apabila diperbaharui

28. Tempoh sah suatu perakuan kelayakan berasaskan risiko yang diperbaharui di bawah subperaturan 27(1)—

(a) hendaklah ditentukan oleh Ketua Pemeriksa berdasarkan pengiraan dan penilaian data berasaskan risiko di bawah subperaturan 23(3); dan

- (b) tidak boleh melebihi tujuh puluh lima bulan atau baki tempoh skim pemeriksaan berasaskan risiko, mengikut mana-mana yang lebih pendek.

BAHAGIAN VII

PEMBATALAN, PENARIKAN BALIK DAN PENAMATAN

Pembatalan skim pemeriksaan berasaskan risiko

29. (1) Ketua Pemeriksa boleh membatalkan skim pemeriksaan berasaskan risiko jika—

- (a) pengguna skim tidak mematuhi mana-mana kehendak yang dinyatakan dalam Bahagian V; atau
- (b) pengguna skim memberikan apa-apa dokumen atau maklumat yang dikehendaki di bawah mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini yang palsu, mengelirukan atau mengandungi kesilapan atau peninggalan yang material.

(2) Sebelum Ketua Pemeriksa membatalkan skim pemeriksaan berasaskan risiko di bawah subperaturan (1), Ketua Pemeriksa hendaklah memberi pengguna skim—

- (a) suatu notis bertulis tentang niatnya untuk membatalkan skim pemeriksaan berasaskan risiko itu; dan
- (b) suatu peluang untuk meremedikan kemungkiran atau pelanggaran dalam perenggan (1)(a) atau (b), dan untuk membuat penghujahan bertulis, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari.

(3) Ketua Pemeriksa hendaklah, selepas mempertimbangkan remedi atau penghujahan bertulis di bawah perenggan (2)(b), jika ada, memutuskan sama ada untuk membatalkan skim pemeriksaan berasaskan risiko itu atau tidak.

(4) Keputusan Ketua Pemeriksa di bawah subperaturan (3) hendaklah diberitahu secara bertulis kepada pengguna skim dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

Penarikan balik jentera bertekanan berasaskan risiko

30. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), seseorang pengguna skim boleh, atas apa-apa sebab, menarik balik mana-mana atau semua jentera bertekanan berasaskan risiko daripada suatu skim pemeriksaan berasaskan risiko.

(2) Pengguna skim hendaklah memberikan suatu notis bertulis tentang niatnya untuk menarik balik jentera bertekanan berasaskan risiko kepada Ketua Pemeriksa sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum penarikan balik itu.

Pembatalan perakuan kelayakan berasaskan risiko

31. (1) Ketua Pemeriksa boleh membatalkan mana-mana perakuan kelayakan berasaskan risiko jika dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa integriti dan kekuatan jentera bertekanan berasaskan risiko telah berkurangan dengan teruk yang menyebabkan atau berkemungkinan menyebabkan kegagalan jentera bertekanan berasaskan risiko itu.

(2) Sebelum Ketua Pemeriksa membatalkan perakuan kelayakan berasaskan risiko di bawah subperaturan (1), Ketua Pemeriksa hendaklah memberi pengguna skim—

(a) suatu notis bertulis tentang niatnya untuk membatalkan perakuan kelayakan berasaskan risiko itu; dan

(b) suatu peluang untuk meremedikan keadaan jentera bertekanan berasaskan risiko itu, dan untuk membuat penghujahan bertulis, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari.

(3) Ketua Pemeriksa hendaklah, selepas mempertimbangkan remedi atau penghujahan bertulis di bawah perenggan (2)(b), jika ada, memutuskan sama ada untuk membatalkan perakuan kelayakan berasaskan risiko itu atau tidak.

(4) Keputusan Ketua Pemeriksa di bawah subperaturan (3) hendaklah diberitahu secara bertulis kepada pengguna skim dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

Kesan pembatalan dan penarikan balik

32. (1) Jika suatu skim pemeriksaan berasaskan risiko dibatalkan di bawah peraturan 29, tiap-tiap perakuan kelayakan berasaskan risiko berkenaan dengan skim pemeriksaan berasaskan risiko itu hendaklah disifatkan telah dibatalkan.

(2) Jika mana-mana jentera bertekanan berasaskan risiko ditarik balik daripada suatu skim pemeriksaan berasaskan risiko di bawah peraturan 30, perakuan kelayakan berasaskan risiko berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan risiko itu hendaklah disifatkan telah dibatalkan.

(3) Jika semua perakuan kelayakan berasaskan risiko berkenaan dengan suatu skim pemeriksaan berasaskan risiko dibatalkan di bawah peraturan 31 atau disifatkan telah dibatalkan di bawah subperaturan (2), skim pemeriksaan berasaskan risiko itu hendaklah disifatkan telah dibatalkan.

Penamatan apabila jentera bertekanan berasaskan risiko dijual, disewakan atau dipindahkan hakmilik

33. (1) Jika mana-mana jentera bertekanan berasaskan risiko berkenaan dengan suatu skim pemeriksaan berasaskan risiko dijual, disewakan atau dipindahkan hakmilik secara tetap atau sementara kepada mana-mana orang—

(a) perakuan kelayakan berasaskan risiko berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan risiko itu hendaklah tamat; dan

(b) skim pemeriksaan berasaskan risiko itu, dan perakuan kelayakan berasaskan risiko berkenaan dengan mana-mana jentera bertekanan berasaskan risiko yang tidak dijual, disewakan atau dipindahkan hak milik, hendaklah terus sah.

(2) Jika semua jentera bertekanan berasaskan risiko berkenaan dengan suatu skim pemeriksaan berasaskan risiko dijual, disewakan atau dipindahkan hakmilik secara tetap atau sementara kepada mana-mana orang, skim pemeriksaan berasaskan risiko itu dan tiap-tiap perakuan kelayakan berasaskan risiko berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan risiko itu hendaklah tamat.

Penyerahan balik kelulusan dan perakuan kelayakan

34. (1) Jika suatu skim pemeriksaan berasaskan risiko dibatalkan, disifatkan telah dibatalkan atau ditamatkan di bawah Bahagian ini, pengguna skim hendaklah menyerahkan balik kelulusan skim pemeriksaan berasaskan risiko dan tiap-tiap perakuan kelayakan berasaskan risiko berkenaan dengan skim pemeriksaan berasaskan risiko itu kepada Ketua Pemeriksa dalam masa empat belas hari dari tarikh pembatalan atau penamatan itu.

(2) Jika suatu perakuan kelayakan berasaskan risiko dibatalkan, disifatkan telah dibatalkan atau ditamatkan di bawah Bahagian ini, pengguna skim hendaklah menyerahkan balik perakuan kelayakan berasaskan risiko itu kepada Ketua Pemeriksa dalam masa empat belas hari dari tarikh pembatalan atau penamatan itu.

BAHAGIAN VIII

PERMOHONAN BAGI TEMPOH BAHARU SKIM PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO

Permohonan bagi tempoh baharu

35. (1) Selepas habis tempoh sedia ada sesuatu skim pemeriksaan berasaskan risiko, seseorang pengguna skim boleh memohon kepada Ketua Pemeriksa bagi kelulusan suatu tempoh baharu bagi skim pemeriksaan berasaskan risiko berkenaan dengan—

- (a) suatu jentera bertekanan berasaskan risiko daripada skim pemeriksaan berasaskan risiko yang sama atau mana-mana skim pemeriksaan berasaskan risiko lain; atau
- (b) gabungan jentera bertekanan berasaskan risiko dan jentera bertekanan berasaskan masa.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah—

- (a) dibuat secara bertulis;
- (b) disertakan dengan fi pemprosesan sebanyak lima puluh ribu ringgit;
- (c) dilampirkan dengan dokumen yang menunjukkan bahawa—
 - (i) berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan risiko, kehendak yang dinyatakan dalam subperaturan (4) dan Bahagian V telah dipenuhi;
 - (ii) berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan masa, kehendak yang dinyatakan dalam subperaturan (3) dan (4) telah dipenuhi; dan

- (d) dikemukakan sekurang-kurangnya enam bulan sebelum habis tempoh sedia ada skim pemeriksaan berasaskan risiko.
- (3) Seseorang pengguna skim hendaklah mengumpulkan—
- (a) berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan masa yang baru dipasang, data berasaskan risiko daripada pemeriksaan permulaan dan dua pemeriksaan ulangan;
 - (b) berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan masa yang sedia ada, data berasaskan risiko daripada tiga pemeriksaan ulangan yang terakhir; atau
 - (c) berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan masa yang baru dipasang atau jentera bertekanan berasaskan masa yang sedia ada yang data berasaskan risiko tidak boleh dikumpulkan daripada pemeriksaan permulaan atau pemeriksaan ulangan, data berasaskan risiko dalam tiap-tiap selang enam bulan bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada lapan belas bulan dengan menggunakan apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pemeriksa.
- (4) Seseorang pengguna skim hendaklah menentukan—
- (a) baki hayat;
 - (b) kategori risiko;
 - (c) selang pemeriksaan yang dicadangkan; dan
 - (d) pelan pemeriksaan yang dicadangkan,

bagi jentera bertekanan berasaskan risiko dan jentera bertekanan berasaskan masa dengan mengira dan menilai data berasaskan risiko yang dikumpulkan di bawah subperaturan (3) dan data berasaskan risiko bagi dua belas bulan yang terakhir yang dikumpulkan di bawah perenggan 22(c).

Maklumat atau dokumen tambahan

36. (1) Ketua Pemeriksa boleh, melalui notis secara bertulis pada bila-bila masa selepas permohonan di bawah peraturan 35 diterima, menghendaki pengguna skim memberikan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan kepada Ketua Pemeriksa dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pemeriksa.

(2) Jika maklumat atau dokumen tambahan yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) tidak diberikan oleh pengguna skim dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pemeriksa, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak lagi diteruskan, tetapi tanpa menyentuh hak pengguna skim untuk membuat permohonan yang baharu.

Audit berasaskan risiko bagi tempoh baharu

37. (1) Apabila permohonan di bawah peraturan 35 dan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan di bawah peraturan 36 diterima, Pemeriksa hendaklah menjalankan audit berasaskan risiko untuk menentusahkan bahawa kehendak yang dinyatakan dalam subperaturan 35(3) dan (4) dan Bahagian V telah dipenuhi.

(2) Bagi maksud audit berasaskan risiko, pengguna skim hendaklah menyediakan segala kemudahan dan maklumat kepada Pemeriksa sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki daripadanya.

Pemeriksaan bagi tempoh baharu

38. (1) Jika Pemeriksa berpuas hati bahawa kehendak yang dinyatakan dalam subperaturan 35(3) dan (4) dan Bahagian V telah dipenuhi, suatu pemeriksaan berasaskan risiko hendaklah dijalankan ke atas jentera bertekanan berasaskan risiko dan jentera bertekanan berasaskan masa mengikut Bahagian IV.

(2) Bagi maksud kelulusan suatu tempoh baharu bagi skim pemeriksaan berasaskan risiko di bawah Bahagian ini, Bahagian IV hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi pengguna skim tertakluk kepada ubah suaian yang berikut:

- (a) sebutan mengenai “jentera bertekanan berasaskan masa” hendaklah termasuk jentera bertekanan berasaskan risiko; dan
- (b) sebutan mengenai “pemohon” hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai pengguna skim.

(3) Apabila pemeriksaan berasaskan risiko di bawah subperaturan (1) disediakan, Pemeriksa hendaklah—

- (a) melaporkan kepada Ketua Pemeriksa tentang dapatan pemeriksaan berasaskan risiko itu dan audit berasaskan risiko di bawah peraturan 37; dan
- (b) mengeluarkan suatu pemberitahuan kepada pengguna skim bagi pembayaran—
 - (i) berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan risiko atau jentera bertekanan berasaskan masa yang telah menjalani pemeriksaan berasaskan risiko, fi pemeriksaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua; atau
 - (ii) berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan risiko atau jentera bertekanan berasaskan masa yang Pemeriksa telah enggan membuat atau menyiapkan pemeriksaan berasaskan risiko ke atasnya menurut peraturan 21, dua puluh lima peratus daripada fi pemeriksaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(4) Apabila pemberitahuan di bawah perenggan (3)(b) diterima, pengguna skim hendaklah membuat pembayaran fi pemeriksaan kepada Ketua Pemeriksa dalam masa empat belas hari.

Pemberian kelulusan tempoh baharu

39. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), Ketua Pemeriksa boleh, selepas mempertimbangkan dapatan di bawah perenggan 38(3)(a)—

- (a) memberikan kelulusan suatu tempoh baharu bagi skim pemeriksaan berasaskan risiko dalam Borang A Jadual Pertama berkenaan dengan satu atau lebih jentera bertekanan berasaskan risiko atau jentera bertekanan berasaskan masa yang dinyatakan dalam permohonan di bawah peraturan 35; dan
- (b) mengeluarkan perakuan kelayakan berasaskan risiko dalam Borang B Jadual Pertama bagi tiap-tiap jentera bertekanan berasaskan risiko atau jentera bertekanan berasaskan masa yang berkenaan dengannya kelulusan suatu tempoh baharu bagi skim pemeriksaan berasaskan risiko telah diberikan di bawah perenggan (a).

(2) Ketua Pemeriksa boleh, selepas mempertimbangkan dapatan di bawah perenggan 38(3)(a), enggan memberikan kelulusan suatu tempoh baharu bagi skim pemeriksaan berasaskan risiko jika—

- (a) Ketua Pemeriksa tidak berpuas hati bahawa kehendak di bawah Peraturan-Peraturan ini atau undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan jentera bertekanan telah dipatuhi; atau
- (b) pembayaran fi pemeriksaan di bawah subperaturan 38(4) tidak dibuat.

(3) Kelulusan yang diberikan di bawah perenggan (1)(a) dan perakuan kelayakan berasaskan risiko yang dikeluarkan di bawah perenggan (1)(b) hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang sama.

(4) Ketua Pemeriksa hendaklah memberitahu secara bertulis kelulusan yang diberikan di bawah perenggan (1)(a) atau keengganan memberikan kelulusan di bawah subperaturan (2) kepada pengguna skim dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

Tempoh baharu skim pemeriksaan berasaskan risiko

40. Tempoh baharu suatu skim pemeriksaan berasaskan risiko yang diberikan di bawah perenggan 39(1)(a) hendaklah selama satu ratus lima puluh bulan melainkan jika skim pemeriksaan berasaskan risiko itu dibatalkan, disifatkan telah dibatalkan atau ditamatkan di bawah Bahagian VII.

Tempoh sah perakuan kelayakan berasaskan risiko

41. Tempoh sah suatu perakuan kelayakan berasaskan risiko yang dikeluarkan di bawah perenggan 39(1)(b)—

(a) hendaklah ditentukan oleh Ketua Pemeriksa berdasarkan pengiraan dan penilaian data berasaskan risiko di bawah subperaturan 35(4); dan

(b) tidak boleh melebihi tujuh puluh lima bulan.

Pematuhan Bahagian V

42. Pengguna skim yang telah diberikan kelulusan tempoh baharu bagi skim pemeriksaan berasaskan risiko di bawah peraturan 39 hendaklah mematuhi kehendak di bawah Bahagian V.

BAHAGIAN IX

AM

Audit berasaskan risiko semasa skim pemeriksaan berasaskan risiko

43. (1) Walau apa pun peraturan 6, 25 dan 37, Pemeriksa boleh menjalankan audit berasaskan risiko pada bila-bila masa semasa tempoh skim pemeriksaan berasaskan risiko untuk menentusahkan bahawa kehendak yang dinyatakan dalam Bahagian V telah dipenuhi.

(2) Bagi maksud audit berasaskan risiko, pengguna skim hendaklah menyediakan segala kemudahan dan maklumat kepada Pemeriksa sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki daripadanya.

Pemeriksaan berasaskan risiko semasa skim pemeriksaan berasaskan risiko

44. Walau apa pun peraturan 7, 26 dan 38, Pemeriksa boleh menjalankan pemeriksaan berasaskan risiko pada bila-bila masa semasa tempoh skim pemeriksaan berasaskan risiko berkenaan dengan mana-mana jentera bertekanan berasaskan risiko sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk memastikan integriti dan kekuatan jentera bertekanan berasaskan risiko itu.

Pembayaran fi

45. Semua pembayaran yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dibayar balik.

JADUAL PERTAMA

BORANG A
[Peraturan 8 dan 39]

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERATURAN-PERATURAN KILANG DAN JENTERA (SKIM PEMERIKSAAN KHAS)
(PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO) 2014

KELULUSAN SKIM PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO

Nombor Kelulusan Skim: _____

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 40(6) Akta Kilang dan Jentera 1967, saya dengan ini meluluskan skim pemeriksaan khas iaitu skim pemeriksaan berasaskan risiko kepada pengguna skim yang berikut:

Nama pengguna skim	
Alamat pengguna skim	
Tempat kendalian jentera bertekanan berasaskan risiko	
Senarai jentera bertekanan berasaskan risiko	Sebagaimana yang dilampirkan dalam LAMPIRAN

Skim pemeriksaan berasaskan risiko ini hendaklah sah bagi tempoh satu ratus lima puluh bulan yang mula berkuat kuasa dari _____ hingga _____ melainkan jika ia dibatalkan, disifatkan telah dibatalkan atau ditamatkan di bawah Bahagian VII Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Skim Pemeriksaan Khas) (Pemeriksaan Berasaskan Risiko) 2014.

Bertarikh: _____

(KETUA PEMERIKSA)

LAMPIRAN

KELULUSAN SKIM PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO

Nombor Kelulusan Skim: _____

SENARAI JENTERA BERTEKANAN BERASASKAN RISIKO

<i>Bil.</i>	<i>No. Pendaftaran</i>	<i>Perihal Jentera Bertekanan Berasaskan Risiko</i>

BORANG B
[Peraturan 8, 27 dan 39]

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERATURAN-PERATURAN KILANG DAN JENTERA (SKIM PEMERIKSAAN KHAS)
(PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO) 2014



PERAKUAN KELAYAKAN BERASASKAN RISIKO

Nombor Kelulusan Skim: _____

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh peraturan 8, 27 dan 39 Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Skim Pemeriksaan Khas) (Pemeriksaan Berasaskan Risiko) 2014, saya dengan ini mengeluarkan perakuan kelayakan berasaskan risiko berkenaan dengan jentera bertekanan berasaskan risiko yang dinyatakan di bawah:

Butiran mengenai jentera bertekanan berasaskan risiko	Perihal	
	No. Pendaftaran	
	Nama Pembuat	
	No. Pembuat	
	Permukaan pemanas/ Isian padu*	
	Tekanan yang padanya injap keselamatan hendaklah dikendalikan	
	Tempat kendalian	
Tarikh audit berasaskan risiko		

Tarikh pemeriksaan berasaskan risiko	
Saya berpuas hati bahawa jentera bertekanan berasaskan risiko ini boleh beroperasi pada suatu tekanan yang tidak melebihi	

**Potong yang tidak berkenaan*

Perakuan kelayakan berasaskan risiko ini hendaklah sah bagi tempoh _____ yang mula berkuat kuasa dari _____ hingga _____ melainkan jika ia dibatalkan, disifatkan telah dibatalkan atau ditamatkan di bawah Bahagian VII Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Skim Pemeriksaan Khas) (Pemeriksaan Berasaskan Risiko) 2014.

Bertarikh: _____

(KETUA PEMERIKSA)

JADUAL KEDUA
[Peraturan 7, 21, 26 dan 38]

FI PEMERIKSAAN

BAHAGIAN 1: DANDANG STIM

Fi bagi pemeriksaan berasaskan risiko sesuatu dandang stim mengikut permukaan pemanas dandang stim itu adalah seperti yang berikut:

<i>No.</i>	<i>Permukaan pemanas</i>	<i>Fi (RM)</i>
1.	Di bawah 5 meter persegi	1,350.00
2.	5 meter persegi dan ke atas tetapi di bawah 10 meter persegi	3,150.00
3.	10 meter persegi dan ke atas tetapi di bawah 25 meter persegi	4,050.00
4.	25 meter persegi dan ke atas tetapi di bawah 50 meter persegi	4,950.00
5.	50 meter persegi dan ke atas tetapi di bawah 100 meter persegi	6,075.00
6.	100 meter persegi dan ke atas tetapi di bawah 250 meter persegi	7,650.00
7.	250 meter persegi dan ke atas	9,225.00

BAHAGIAN 2: BEJANA TEKANAN TIDAK BERAPI

Fi bagi pemeriksaan berasaskan risiko sesuatu bejana tekanan tidak berapi mengikut isian padu bejana tekanan tidak berapi itu adalah seperti yang berikut:

<i>No.</i>	<i>Isian padu</i>	<i>Fi (RM)</i>
1.	Di bawah 0.1 meter padu	450.00
2.	0.1 meter padu dan ke atas tetapi di bawah 0.5 meter padu	900.00
3.	0.5 meter padu dan ke atas tetapi di bawah 5 meter padu	1,350.00
4.	5 meter padu dan ke atas tetapi di bawah 10 meter padu	1,575.00
5.	10 meter padu dan ke atas tetapi di bawah 15 meter padu	2,250.00
6.	15 meter padu dan ke atas	2,700.00

